

CNS0835
U GB 24-08 00160 BH985
AAB

MALAYSIA GESA NEGARA YANG GUNAKAN SELAT MELAKA BIAYA PENJAGAANNYA

Kapal - Mahathir

KUCHING, 24 Ogos (Bernama) -- Malaysia hari ini mengulangi gesaannya supaya negara dan syarikat perkapalan yang menggunakan Selat Melaka supaya turut membantu membiayai penjagaan selat itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, untuk mengharapkan Malaysia sahaja menjaga selat itu dengan tiada bantuan pembiayaan negara-negara atau syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa yang menggunakan selat itu adalah tidak adil.

+Kalau jadi apa-apa...kita kena jadi mangsa,+ katanya kepada pemberita selepas melakukan acara pecah tanah pembinaan Sheraton Santubong Resort di Kelab Golf Seaside Damai di Santubong, kira-kira 40km dari sini.

Menurutnya, ini tidak adil kerana mereka yang menggunakan selat itu patut membiayai bersama segala usaha menjaga Selat Melaka.

Semalam, sebuah kapal penumpang Greece, Royal Pacific berlanggar dengan sebuah kapal pukut tunda Taiwan F.V. Te Fu di selat itu, kira-kira 12 batu nautika ke selatan Tanjung Sepat dekat Port Dickson. -- Lagi.

▼24/08/19-52MST

CNS0848
U GB 24-08 00145 BH986
AAB

Kapal - Mahathir 2 Kuching

Perdana Menteri berkata, beliau tidak menolak kemungkinan berlakunya kemalangan membabitkan kapal tangki minyak di selat itu kerana kemungkinan itu adalah amat besar sekali.

Dr Mahathir berkata, atas alasan itulah Malaysia telah mencadangkan supaya satu jenis pembayaran dibuat oleh kapal ataupun negara-negara yang kerap menggunakan Selat Melaka.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia menghadapi masalah kerana tidak diberi kuasa untuk mengatur perjalanan kapal-kapal di selat yang dianggap sebagai laluan laut antarabangsa itu.

Menurutnya, prinsip laluan laut antarabangsa itu kini tidak wajar lagi memandangkan ia dibuat pada zaman dahulu ketika tiada kemungkinan perkara seperti kapal tangki minyak pecah kerana ketika itu kapal-kapal seperti ini tiada.

+Tetapi sekarang ini kita kena awasi laluan laut antarabangsa, sama seperti Terusan Suez dan Terusan Panama, yang perlu diawasi kerana jika tidak ia akan rosak,+ jelasnya. -- Lagi.

▼24/08/20-01MST

CNS0850
U GB 24-08 00084 BH987
AAB

Kapal - Mahathir 3 (Akhir) Kuching

Katanya, dalam keadaan tertentu, Malaysia perlu menjaga selat itu seperti kalau cetek, Malaysia perlu mengorek (untuk mendalamkannya).

+Adakah negara-negara yang menggunakan selat ini berharap Malaysia akan berbelanja wang yang banyak untuk menjaga laluan antarabangsa itu dan mereka cuma menggunakannya secara percuma?+ katanya.

Dr Mahathir berkata, negara-negara berkenaan juga mestilah bertanggungjawab kalau berlaku kemalangan yang boleh merosakkan pantai negara ini atau menimbulkan masalah kepada para nelayan negara ini. -- Bernama.

▼24/08/20-02MST